

Personaliti Pilihan

R. Charan

“UniMAP Juara Perpaduan”

Sehubungan dengan itulah bagi edisi MyUniMAP pada kali ini, personaliti yang ingin dipaparkan ialah seorang pensyarah muda berbangsa India iaitu En. Vithyacharan a/l Retnasamy atau nama singkatannya R.Charan. Saudara R.Charan adalah merupakan pensyarah dan juga merupakan Penyelaras Makmal Fotonik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik.


Saudara R.Charan dilahirkan pada 5 Januari 1975 dan merupakan anak kelahiran Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau merupakan anak lelaki tunggal kepada bekas pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu En. M.Retnasamy dan pasangannya Puan K.Kamalambal. Jejaka yang masih berstatus bujang ini merupakan anak sulung dan mempunyai dua orang adik perempuan yang lain. Tidak hairanlah sekiranya beliau fasih berbahasa Melayu kerana sejak kecil dibesarkan di persekitaran keluarga berbangsa Melayu. Apatah lagi beliau mempunyai ramai rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai kaum terutama kaum Melayu dan Cina. Beliau begitu gemar menghabiskan masa lapangnya dengan aktiviti-aktiviti cintakan alam semulajadi seperti bidang astronomi, aktiviti menyelam dan ilmu ketenteraan.

Saudara R.Charan mendapat pendidikan awal di SRK Stowell daripada tahun 1982 hingga 1987. Kemudian beliau melanjutkan pendidikan menengah di Bukit Mertajam High School sehingga ke peringkat Tingkatan 6. Berbekalkan keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang cemerlang, beliau telah melanjutkan pengajiannya dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Cintanya yang mendalam dalam bidang ilmu fotonik telah mendorong beliau untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana Mekanikal (Fotonik) di universiti yang sama.

Setelah menamatkan pengajian, beliau memulakan kerjaya di Soletron Technology Sdn. Bhd sebagai Lead Product & Process Engineer Intel Motherboard/Server selama kira-kira tiga setengah tahun. Berbekalkan pengalaman yang ada beliau pernah menjawat jawatan Senior R&D Engineer di Lumileds Lighting Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat kepada Agilent & Philips. Tidak beberapa lama kemudian, beliau telah dilantik sebagai Program Manager bagi Projek Ruby di syarikat yang sama hampir selama dua tahun. Pengalaman beliau di Industri selama hampir enam tahun ini telah memperluaskan lagi ilmu kepakaran beliau di dalam bidang Kejuruteraan Fotonik.

Kerjaya beliau di UniMAP bermula pada 8 September 2005 di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Dorongan Dato' Naib Canselor dan minatnya yang mendalam di bidang penyelidikan merupakan antara faktor yang mendorong beliau untuk menyertai UniMAP setelah lama berkecimpung di bidang industri. Di UniMAP beliau merupakan antara pensyarah yang disegani dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajar-pelajarnya serta telah menyumbangkan beberapa pingat dalam bidang penyelidikan. Tambahan lagi beliau pernah meraih anugerah Penyelidik Cemerlang pada tahun 2007. Antara pingat yang pernah beliau perolehi dalam bidang penyelidikan ialah dua pingat emas dalam Ekspo Penyelidikan KUKUM 2005 dan pingat gangsa dalam Pameran ITEX 2007. Dalam Kejohanan Sukan Tertutup UniMAP 2007/2008 pula, Pusat Pengajian Mekatronik telah menjadi juara sukan dimana beliau adalah pengurus pasukannya.

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Angkatan Tentera Darat Malaysia amat sinonim bagi diri beliau. Kegiatan aktif dalam PALAPES telah menarik minat beliau untuk menyertai UniMAP. Semasa di USM, saudara R.Charan bergiat aktif di dalam PALAPES dan telah ditauliahkan sebagai Pegawai Muda berpangkat Leftenan Muda. Minat beliau dalam bidang ketenteraan bermula sejak kecil lagi. Beliau yang begitu rapat dengan bapanya sering mendengar cerita-cerita perjuangan perwira-perwira bangsa, kepahlawanan dan patriotisme. “Filem Bukit Kepong amat mempengaruhi saya pada ketika itu dan menjadi ingatan hingga ke hari ini”. Apatah lagi, datuk beliau juga merupakan bekas tentera British semasa penentangan terhadap penaklukan tanahair oleh tentera Jepun suatu ketika dahulu. “Saya pernah berasa sangat kecewa apabila saya tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Royal Military College (RMC) selepas Penilaian Darjah Lima kerana mendapat halangan daripada datuk saya.



Manakala pengalaman bersama PALAPES yang paling tidak boleh saya lupakan ialah semasa latihan di Kem Pos Bertau, Pahang. Dimana saya telah memberanikan diri melompat ke atas rakit dan mengalihkannya dalam arus sungai yang amat deras supaya tidak membahayakan pelajar-pelajar PALAPES yang sedang menjalani latihan pada ketika itu. Saya mengemudi rakit itu mengikuti arus deras sehingga keadaan menjadi lebih selamat”. Sehingga kini saudara R.Charan masih aktif bersama PALAPES UniMAP dengan memakai pangkat Leftenan. “Brig. Jen. Dato' prof. Dr. Kamarudin Hussin adalah sumber inspirasi saya dalam penglibatan saya selama ini dalam PALAPES”

Semangat patriotisme dan cintakan negara begitu menebal dalam diri beliau. Sifat berani, berdisiplin, tegas dan cintakan ilmu ketenteraan mencerminkan sifat beliau. Namun begitu, dalam ketegasan beliau terserlah sifat mudah mesra, ramah dalam diri serta saling menghormati. Prinsip hidup beliau ialah “If you rest, you rust!”. Bagi saudara R.Charan kedua-dua ibubapanya adalah segala-galanya. “Ibubapa saya adalah idola saya”. Misi dan visinya bersama UniMAP adalah merupakan kesinambungan daripada ucap-tama Naib Canselor baru-baru ini iaitu anekdot CALTECH sebagai pedoman. Beliau berjanji untuk terus mendidik pelajar-pelajar UniMAP dengan lebih efektif dan berkesan. “Yang lebih penting pelajar-pelajar saya memahami apa yang diajar dan seterusnya mencapai kejayaan. Kejayaan mereka itu amat bermakna buat diri saya”. Beliau juga akan terus memajukan bidang penyelidikan UniMAP di bidang Fotonik supaya nama UniMAP terus gah bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di persada antarabangsa.